

TANGGA DAN SUNGAI

Oleh **Susan Cummings**

26hb Februari 2005

(Diterjemahkan dari Bahasa Inggeris kepada Bahasa Malaysia)

Saya sedang berbaring di atas katil, dan di kaki suami saya dan kaki saya, adalah tiga orang lelaki. Tuhan dan dua orang lain. Saya menganggap mereka adalah malaikat-malaikat yang mengiringi Dia walaupun mereka kelihatan seperti lelaki. Dia melihat pada saya dan menghulurkan TanganNya kepada saya, dan berfirman, **“Sudah tiba masanya. Sudah tiba masanya untuk naik tangga. Mari ikut Saya.”**

Saya bercakap kepada Tuhan, dan mula mengujiNya, dan menanyakan Dia siapakah Dia, dan siapa yang datang dalam daging dan Dia senyum dan menjawab saya, dan berfirman, **“Saya sudah datang, dan mati untuk semua manusia, supaya mereka akan datang kepada Saya dan Bapa Saya, dan telah menumpahkan Darah Saya di atas Salib supaya mereka boleh ada kehidupan. Saya datang di dalam daging dan memberikannya untuk semua manusia. Saya bangkit dari kematian supaya semua boleh ada Kehidupan yang Saya ada dan hidup bersama Saya.”** Saya kemudian rasa takut bahawa saya menyoal Tuhan dan mungkin tidak menyenangkanNya dengan ujian saya. Dia senyum, dan berfirman kepada Saya, **“Ia adalah menyenangkan saya bahawa kamu menguji Saya, dan Saya tidak tersinggung pun.”**

Saya nampak diri saya berbaring di atas katil. Tubuh saya berbaring di sana, tetapi roh saya duduk dan kemudian mencapai kepada tangan Tuhan. Saya mengambil TanganNya, dan diangkat ke atas dan kami mula berpusing dan pergi di salah sebuah tempat. Dengan serta-merta di depan kami ada sebuah pintu yang dibuka dan ada satu koridor yang terang-benderang menyala di depan kami. Ia penuh dengan cahaya. Ada tangga yang naik ke atas melalui koridor tersebut dan tangga juga penuh dengan cahaya. Saya boleh membezakan dinding-dinding, ke bahagian-bahagian tepi kami, walaupun ia adalah semua terang.

Saya sedang memegang Tangan Tuhan sambil kami menaiki tangga. Ia adalah cukup lebar untuk kami berdua dan kami mula menaiki tangga. Sambil saya berjalan, saya mula menyedari bahawa saya tidak dapat lagi melihat Tuhan di sebelah saya, tetapi saya merasai KehadiranNya di sana, dan saya tidak takut. Saya terus naik.

Ia tidaklah curam, tetapi ia adalah jalan naik ke atas. Ia seolah-olah kamu sedang menghabiskan masa sambil kamu naik. Kamu boleh merasai pergerakan dan kecepatan masa dan realiti sambil kamu naik lebih tinggi. Ia seolah-olah memberi kekuatan untuk naik ke dalam Cahaya. Ia mengisi semuanya, dan ia membawa tujuan yang sangat besar untuk pendaki. Saya rasa berazam untuk naik ke atas.

Sambil saya naik, saya terdengar air mengalir. Ia berbunyi senyap pada permulaan, tetapi apabila saya melangkah ke atas, ia seolah-olah bertambah kuat dan lebih hebat. Apabila saya mendekati puncak, saya boleh merasai perubahan di suasana tempat tersebut

semasa saya keluar dari koridor dan masuk ke dalam sebuah bilik atau tempat yang sangat besar.

Di depan saya, tidak jauh dari tempat saya di mana saya berdiri adalah sebatang sungai yang sangat besar. Ia sedang mengalir dengan sangat deras, dan sangat dalam dan kuat. Ia sedang berpusar-pusar dan sangat laju, dan saya berasa gugup menghampirinya, kerana saya mungkin jatuh ke dalamnya, dan dihanyutkan. Saya terperanjat bahawa sebatang sungai boleh berada di sini di atas puncak tangga. Ia seolah-olah bahawa ada orang dan bilik-bilik dan perabot dan seumpama, seperti pada masa-masa lain yang saya dibawa ke dalam Dewan Besar, kali ini, tiada itu. Hanya sungai ini.

Sekarang, saya sedang berdiri di depan sungai yang sangat besar ini. Saya mula berjalan menghampirinya, tetapi tidak dekat. Saya berjalan di sepanjang pinggir sedikit dan memerhatikan sambil ia mengalir deras di tepi. Ia tidaklah jernih, seperti apabila saya telah nampaknya di pengalaman-pengalaman yang lain, dan ia bukan biru atau merah menyala seperti masa-masa lain saya telah melihatnya. Tetapi kali ini, ia berpusar-pusar dan mengacau dengan warna-warni dan tidak jernih. Ia kelihatan seperti satu takung mandi yang berfungsi apabila pancutan-pancutan air dibuka dan air dikacau oleh buih-buih air.

Sambil saya memerhatikan sungai tersebut, Tuhan sekali lagi berdiri di sisi saya. Dia berdiri memerhatikan saya sambil saya memerhatikan sungai. Dia senyum dan memerhatikan untuk sekejap. Kemudian, Dia berfirman kepada saya, ***“Di manakah kamu boleh pergi dari sini?”*** Saya melihat Dia, dan tahu ini bukan satu soalan yang sebenar, kerana Dia sudah tahu, tetapi Dia mahu saya merenungkan dan belajar. Saya berfikir, dan melihat sekeliling saya.

Sungai tersebut secara langsung mengalir di seberang laluan saya, jadi saya tidak dapat menyeberangnya untuk terus ke arah yang saya datang dari tangga sehinggalah di mana saya sedang berdiri. Jadi, saya melihat dan tiada lagi yang hampir, dan tiada jalan lain di seberangnya. Jadi, saya berkata, ***“Ia tidak boleh diseberangi.”***

Dia senyum dan berfirman, ***“Kamu betul, tetapi ia boleh dilayari.”*** Saya melihat, dan berfikir kepada diri sendiri, ***“Saya tidak akan mahu melayari mana-mana jeram seperti ini.”*** Dia senyum dan berfirman, ***“Kamu tidak boleh melayari apa yang kamu tidak faham.”***

“Sungai ini adalah Sungai Saya yang keluar dari Rumah Allah, dan kini di paras di atas kepala kamu. Ia tidak dikawal oleh mana-mana manusia, atau disalurkan atau dikemudikan. Ia hanya dilayari dengan meninggalkan diri kamu kepada alirannya, dan membenarkannya membawa kamu ke Destinasi Saya untuk kamu.”

“Orang berfikir dari membaca Firman Saya, bahawa sungai adalah menuju ke bawah, seperti melangkah ke dalam lautan atau sebuah tasik dan melangkah ke dalamnya sehingga pergelangan kaki, kemudian sehingga lutut, kemudian sehingga pinggang, dan kemudian mereka terjun ke dalamnya dan berenang di dalamnya. Yehezkiel 40-47 menggambarkan sungai ini, tetapi mereka gagal

menyedari yang setiap kedalaman adalah benar-benar satu pendakian dan bukan satu gerakan turun.”

“Untuk setiap langkah yang kamu ambil dengan kepatuhan terhadap Saya, ia mengorbankan kamu, dan ada suatu kematian yang mengiringi setiap pilihan dan kemaraan. Ada juga satu paras yang lebih tinggi yang dicapai dan ditemui, dan dijalankan. Manusia fikir mereka boleh berlari dan melompat, dan bermain di dalam Sungai Saya tanpa sebarang perubahan dan tanggungjawab dalam peranan mereka, dan tanpa sebarang pengorbanan. Ini adalah Tanah Suci. Sungai ini keluar daripada Bapa Saya, dan dari TakhtaNya, dan dari Kasih KaruniaNya kepada mereka. Ia adalah KehidupanNya dan ia adalah Suci. Tiada orang akan datang ke dalam Sungai ini kecuali Saya menariknya ke sana. Semua orang masuk melalui Saya, dan mereka berbuat begitu dituliskan dan dipersediakan, dan mereka berdiri di hadapan Bapa Saya sebagai MilikNya.”

“Sungai ini sedang dilepaskan di bumi, sambil kamu melihatnya mengalir sekarang. Ia betul-betul sama seperti Sungai Menyala yang kamu nampak dahulu, yang mengangkat semua Batu Permata Bapa di dalamnya. Ia adalah Sungai yang sama, tetapi Bapa telah memilih kamu untuk melihatnya sekarang, di dalam bentuk ini. Sudah tiba masanya untuk kamu meninggalkan diri kamu kepada Kehendak Bapa, dan membiarkannya mengambil kamu ke mana Dia mahu kamu pergi.”

Saya melihat Sungai tersebut, dan menelan air liur. Saya tidak suka jeram dan air deras. Ia sangat cantik, tetapi saya tidak suka perasaan dihanyutkan. Saya bergelut dengan ketakutan-ketakutan saya dan kemahuan saya untuk menyenangkan hati Tuhan juga. Saya kemudian, mendekati, dan melihat ke bawah dan berazam di dalam diri sendiri bahawa tiada pilihan lain untuk saya kecuali melakukan KehendakNya.

Saya melompat ke dalam.

Sungai tersebut memang sebatang sungai yang liar dan mengalir deras, dan pada permulaannya, saya takut sambil saya terjun ke dalamnya, tetapi saya juga terperanjat. Ia tidak sejuk. Saya fikir ia adalah sejuk dan ia bukan. Ia benar-benar menyenangkan hati. Saya juga tenggelam ke dalamnya, dan tiada terapung ke atas. Arus tersebut membawa kamu ke dalamnya, dan menyimpan kamu secara tersembunyi di bawah permukaannya. Ia benar-benar adalah suatu kegembiraan yang menghairankan untuk dihanyutkan.

Saya perasan bahawa dari kedalaman (“depth”), sambil saya melihat ke atas saya boleh nampak dengan jelas. Ia seperti saya boleh melihat segala-galanya melalui air ini dari bawah, tetapi dari permukaan kamu tidak boleh melihat melaluinya ke bawah. Ini adalah misteri kepada saya. Ia juga cergas dan bersemangat. Saya boleh merasakan kekuatan apabila ia membawa saya, dan saya tidak takut. Saya merasakan dilindungi dan tenang. Saya rasa ringan dan tidak berat akibat berada di bawah air. Saya juga boleh bernafas di bawah air.

Saya tidak nampak sesiapa pun di bawah air bersama saya, tetapi saya rasa selamat, seperti saya dikelilingi oleh yang lain, walaupun saya bersendirian. Ada cahaya di dalam air ini, kerana Cahaya telah ada di dalam semua perkara/benda. Ia tidak gelap atau

samar-samar, tetapi Cahaya. Saya tertanya-tanya kenapa saya tidak meninggalkan diri saya sepenuhnya kepada Tuhan lebih awal.

Sebaik sahaja saya fikir ini, saya sekarang berdiri di sisi Tuhan sekali lagi.

Saya bukan lagi ada di dalam Sungai, tetapi memerhatikannya sekali lagi bersamaNya. Dia mengangguk pada rasa hairan saya, dan senyum. Dia berfirman, **“Banyak tidak mengasihi Saya dengan cukup unuk meninggalkan diri mereka dan melamparkan diri mereka sepenuhnya ke dalam Kehendak Saya untuk mereka. Mereka takut perubahan, dan mereka takut mudah dilukai, dan mereka takutkan kebenaran. Jadi mereka tidak pernah sepenuhnya masuk ke dalam apa yang saya ada untuk mereka, kerana mereka tidak pernah percaya Saya dengan secukupnya, melangkah ke depan dan menyerahkan keputusan-keputusan kepada Saya.”**

“Sungai tersebut adalah tidak tampak dengan jelas kepada kamu dari permukaan, kerana kamu hanya boleh melihat dengan jelas apabila kamu telah benar-benar meninggalkan diri kamu kepada Saya dan telah sepenuhnya memberikan semua pemahaman kamu kepada Saya dan membenarkan Saya mengangkat kamu dan membawa kamu ke apa saja yang Saya pilih untuk kamu. Kecuali Kebenaran Saya bersinar melalui kamu, kamu tidak dapat melihat. Air untuk berenang di dalam, adalah hanya itu, air yang dalam di mana kamu tidak ada lagi kawalan dan haruslah melayani mereka melalui kepatuhan dan kepercayaan sepenuhnya. Apabila Umat Saya hanya berdiri dari jauh dan melihat pada takdir (“destiny”) mereka, dan tidak menyerahkan diri mereka dengan sepenuhnya kepadanya, mereka tidak akan sampai ke tempat kematangan sepenuhnya dan visi yang jelas. Mereka kekal melihat melalui suatu kaca secara gelap. Mereka tidak pernah sampai ke suatu pengetahuan yang berfungsi dan dipraktik tentang Kebenaran, yang membebaskan mereka dengan sepenuhnya.”

“Dengan mencampakkan diri kamu ke dalam Sungai, ia memecahkan ketakutan yang telah mempengaruhi kamu dan menghalang laluan kamu. Apabila kamu mengasihi Saya lebih daripada ketidakselesaian kamu dan pemahaman kamu, dan mencampakkan diri kamu ke dalam tempat yang tidak diketahui, ia melepaskan iman, dan menyebabkan kamu diserap ke dalam Rehat Saya, dan dihanyutkan bersama Saya. Kok (“Yoke”) Saya adalah mudah dan Beban Saya adalah ringan, dan tidak banyak datang ke tempat di mana mereka boleh mengalir bersama Saya dan disegarkan semula di dalam kepantasan Pergerakan-Pergerakan Saya.”

“Lebih dalam yang kamu pergi, di dalam pencarian kamu untuk Kebenaran, adalah betul-betul lebih tinggi dan lebih mengorbankan. Ini kamu tahu. Tetapi tidak banyak mahukan Saya secukupnya untuk mencampakkan diri mereka ke dalam Saya. Walaupun kamu takut, kamu tidak mengasihi diri kamu lebih daripada Saya, dan kamu memang percayakan secukupnya, untuk menyerahkan diri kepada Saya. Kalaulah Umat Saya berpaling kepada Saya, dan melangkah ke depan kepada Saya, dan memberikan kepada Saya tangan mereka. Saya akan memimpin mereka dan bersama mereka, dan mereka tidak akan takut, kerana Kasih Karunia Saya diberikan.”

“Sungai ini juga yang mana telah ditahan untuk waktu ini, dan telah sekarang lebih dilepaskan sepenuhnya oleh Bapa Saya, kerana kerja tersebut adalah sangat

besar. Umat Saya akan berjalan di dalam kuasa yang lebih besar, tetapi ia akan datang dari suatu tempat yang mengalir daripada Saya dan ia tidak akan berfungsi selain daripada Saya. Semua diberikan ke dalam Tangan-Tangan Saya, dan semua keluar daripada Saya. Setiap Milik Saya akan menerima semua yang mereka perlukan untuk memenuhi tujuan mereka dan menuai hasil tuaian. Tidak seorang pun akan kekurangan, atau mereka tidak akan menjadi lemah kerana Bapa mengalir melalui mereka ke tahap yang mereka meninggalkan diri mereka kepadaNya. Setiap orang akan ada bahagiannya. Mengikut Iman (Kepercayaan) mereka, ia akan diberikan.”

“Manusia belum nampak di bumi, yang mana Bapa Saya telah tahan di dalam simpanan, dan telah disimpan untuk hari ini. Dia cemburu untuk NamaNya dan untuk UmatNya, dan Dia akan menebus kedua-dua daripada tangan-tangan manusia. NamaNya adalah Suci dan UmatNya adalah Suci, dan Dia akan menuntut bela terhadap NamaNya dan UmatNya. Dia akan diperlihatkan melalui mereka. Sudah tiba masanya.”

“Kamu mesti balik. Kamu jangan membiarkan ketakutan melencongkan kamu atau menyebabkan kamu untuk berlengah-lengah, tetapi kamu mesti bangun dengan cepat dan mula keluar dan berlari, kerana masa adalah singkat, dan kamu mesti meninggalkan diri kamu kepada Kehendak Bapa Saya, dan membenarkan Dia untuk menetapkan haluan kamu, dan tidak memberi perhatian untuk hasilnya. Dia sudah meletakkan dan menetapkan tempat kamu. Sudah tiba masanya untuk bergerak, anak. Sudah tiba masanya untuk mengucapkan FirmanNya dengan peninggalan dan keyakinan. Janganlah menahan lagi, tetapi berlari dengan FirmanNya. Seperti Dia mengangkat kamu di dalam Sungai ini, Dia akan berbuat begitu sambil kamu berlari di bumi. ApiNya akan membakar di depan kamu di mana kamu pergi, kerana FirmanNya adalah seperti satu Api melalui Hamba-HambaNya.”

“Pergilah, dan dilepaskan, dan lakukanlah Kehendak Bapa Saya.”

Dengan Firman-Firman itu, saya seorang diri dan di dalam rumah saya.

Saya duduk di komputer ini, merenungkan pengalaman ini, dan menjangka banyak perubahan yang akan sekarang keluar, dan namun, saya sekarang, tidak takut.

Tamat.

-Susan Cummings, 22hb Februari 2005 pada 3:50 pagi.

www.DivineRevelations.info/indonesia